



MAJLIS DAERAH JERANTUT

Sebutharga adalah dipelawa daripada pembekal-pembekal atau akauntan-akauntan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan serta ahli berdaftar dengan MIA untuk menyertai sebutharga yang dinyatakan di bawah:

BIL	NO SEBUTHARGA & TAJUK BEKALAN	KEPALA/SUB KEPALA	TARIKH TUTUP SEBUT HARGA
1	(MDJ/KEW/SH/01/2020) PERKHIDMATAN PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020	Berdaftar Dengan Kementerian Kewangan Kod Bidang 221803 (Penyediaan Akaun) Berdaftar sebagai ahli MIA (Malaysian Institute of Accountants)	25.11. 2020 12.00 T/hari

- 2 Jadual kadar harga seperti di **LAMPIRAN A** berkembar.
- 3 Syarikat adalah **DIWAJIBKAN** untuk menyertakan perkara di bawah ini:
 - i) Salinan Sijil Kementerian Kewangan
 - ii) Salinan Sijil Pengiktirafan Taraf Bumiputra
 - iii) Salinan Sijil Ahli Malaysian Institute Of Accountants
 - iv) Berdaftar Dengan Kementerian Kewangan **Kod Bidang 221803 (Penyediaan Akaun)**
 - v) Profil Syarikat

4 Skop kerja adalah menyambung tugas perakaunan menggunakan perisian MYOB. Pihak Majlis telah siap memasukkan data belanja dan hasil tahun 2020 seterusnya selesai Penyesuaian Bank (bank reconciliation). Tarikh jangkaan dokumen-dokumen kewangan seperti bayaran bagi Akaun Kena Bayar 2020, Senarai Aset-Aset Baru, Senarai Kakitangan Yang Mendapat Gantian Cuti Rehat(GCR), Cukai Taksiran, Sewaan, Salinan Projek-projek, Senarai Pendeposit ini siap sepenuhnya pada 15 Februari, 2021. Tugasan menyambung menyiapkan Penyata Kewangan hendaklah:

- 4.1 mengikuti piawaian MPSAS (Malaysia Public Sector Accounting Standard).

- 4.2 mengkelas, menyemak, mengenalpasti, mengesah, merekod dan menganalisa dokumen-dokumen kewangan.
- 4.3 Menyiapkan Daftar Aset dan Susutnilai Aset Majlis Daerah Jerantut Bagi Tahun 2020.
- 4.4 Membuat pelarasan dan pembetulan berkenaan teguran audit tahun lepas.
- 4.5 Memberi tunjuk ajar penggunaan perisian MYOB (sistem perakaunan MDJ) serta pendedahan secara langsung kepada pegawai yang terlibat secara langsung dengan penyediaan penyata kewangan ini.
- 4.6 Menyediakan Fail Akaun sebanyak 2 set untuk tujuan Pengauditan dan Rekod.
- 4.6 Hendaklah hadir semasa menjawab surat pengurusan dari Jabatan Audit Negara, hadir ketika pembentangan Penyata Kewangan 2020 di dalam Mesyuarat Majlis Penuh Majlis Daerah Jerantut , dan hadir ketika *Exit Conference* dengan Jabatan Audit Negara.
- 4.7 Menyiapkan penyata kewangan lengkap untuk diaudit mengikut piawaian MPSAS pada 15 April 2021.

5 Borang sebutharga ini boleh diperolehi di Jabatan Perbendaharaan, Majlis Daerah Jerantut secara percuma sahaja dan melalui laman sesawang Majlis Daerah Jerantut.

6 Tarikh tutup sebutharga adalah pada **25.11.2020**. Pihak tuan adalah diminta untuk menulis nombor siri sebutharga iaitu **MDJ/KEW/SH/01/2020** di sudut kiri sampul surat dan tawaran sebutharga yang lengkap diisi hendaklah dihantar untuk dimasukkan ke Peti Sebutharga (Tingkat Atas Bangunan Majlis Daerah Jerantut) ke alamat **berikut sebelum jam 12.00 tengahari pada 25.11.2020**;

**Pejabat Majlis Daerah Jerantut
27000, Jerantut,
Pahang**

7. Kerjasama dari pihak tuan kami ucapkan terima kasih

“MESRA-CEPAT-TELUS”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(MOHD KHASRI BIN ABDULLAH)
Penolong Pegawai Perancang Bandar dan Desa
b.p Yang Dipertua
Majlis Daerah Jerantut
Tarikh Iklan: 12.11.2020

LAMPIRAN A

RINGKASAN SEBUTHARGA MAJLIS DAERAH JERANTUT (MDJ/KEW/SH/01/2020)

PERKHIDMATAN MENYEDIAKAN PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR, 2020 UNTUK KEGUNAAN MAJLIS DAERAH JERANTUT

Tarikh Tutup: 25.11.2020

Jam Tutup : 12.00 tengahari

BIL	PERKARA	KUANTITI	HARGA RM	JUMLAH
1	Perkhidmatan Menyediakan Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir, 2020 (Siap sebelum 15 April, 2021) Untuk Kegunaan Majlis Daerah Jerantut	Lump sum		
			JUMLAH	

Ringgit Malaysia : _____

Tempoh Siap kerja: _____ Minggu

Bertarikh Pada : _____

Pengakuan:

Dengan ini saya akui bahawa saya/wakil saya telah berpuashati serta mengaku tidak akan membuat sebarang tuntutan terhadap kerajaan bersabit dengan perbekalan di atas.

(Tandatangan Pembekal)

(Tandatangan Saksi)

Nama Penuh: _____

Nama Penuh: _____

No. KP: _____

No. KP: _____

NAMA SYARIKAT/ALAMAT: _____

ALAMAT: _____

Jawatan : _____

Jawatan: _____

Tarikh: _____

Tarikh: _____